



## **SIARAN AKHBAR**

***SIDANG KEMUNCAK WANITA DAN EKONOMI APEC 2011***  
***13 – 16 September, 2011***  
***San Francisco, California,***  
***Amerika Syarikat***

Meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi adalah langkah pelaburan masa depan yang bijak demi untuk meningkatkan kesejahteraan serantau. Ini adalah mesej utama yang telah disampaikan dan diperakui oleh para perwakilan negara-negara Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (APEC) yang terdiri daripada Menteri-Menteri dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan serta Ketua-Ketua Sektor Swasta yang telah menghadiri Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi APEC 2011 pada 13-16 September, 2011 di San Francisco, California, Amerika Syarikat. Sidang kemuncak empat hari berkenaan telah diakhiri dengan Dialog Dasar Peringkat Menteri yang telah dipengerusikan oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan Yang Terutama Hilary Clinton dan dihadiri oleh perwakilan-perwakilan dari 21 negara ahli APEC.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina Binti Othman dan diiringi oleh 4 orang delegasi yang terdiri daripada Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awg Haji Ismail Bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim; Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat; Yang Di-Pertua Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam dan Yang Di-Pertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. Juga hadir ialah seorang ahli *APEC Business Advisory Council (ABAC)* Brunei dan beberapa orang ahli Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam.

Para perwakilan negara-negara ahli APEC telah mempersetujui sebuah deklarasi bergelar “*Deklarasi San Francisco*” yang mengisytiharkan komitmen negara-negara ahli APEC untuk menangani halangan-halangan kepada penglibatan penuh wanita dalam ekonomi dengan memberikan tumpuan intervensi dalam empat bidang utama iaitu akses kepada modal kewangan (access to capital), akses kepada pasaran (access to markets), peningkatan kemahiran dan kapasiti, serta kepimpinan wanita. Didalam setiap bidang utama berkenaan, negara-negara ahli APEC memberi ketentuan untuk mengambil tindakan-tindakan konkrit, melaksanakan dasar dan program yang mengambilkira perspektif gender dan memperbaiki undang-undang dan peraturan untuk memperluaskan peluang ekonomi bagi wanita di negara-negara ahli APEC. Untuk melaksanakan langkah-langkah intervensi dalam kesemua bidang utama ini, APEC juga akan menyokong dan berkerjasama dengan rangkaian kerja persatuan-persatuan perniagaan wanita dan organisasi antarabangsa.

Bagi Negara Brunei Darussalam, isu-isu yang diketengahkan dalam *Deklarasi San Francisco* ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan Wanita yang sedang digubal oleh Jawatankuasa Khas Isu Wanita dan Institusi Keluarga, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli-ahlinya terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan. Jawatankuasa Khas ini adalah merupakan salah satu jawatankuasa dibawah naungan Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang telah mengenalpasti isu wanita sebagai salah satu isu penting dalam pembangunan negara.

Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi APEC 2011 yang pada julung kalinya diadakan ini berhasrat untuk memupuk kerjasama padu dikalangan negara-negara ahli APEC untuk mengembangluaskan peluang ekonomi wanita kerana penglibatan wanita yang lebih meluas dalam ekonomi telah dikenalpasti sebagai salah satu pencetus utama bagi perkembangan pendapatan yang lebih pantas dan saksama, menjana lebih banyak peluang perniagaan dan meningkatkan persaingan melalui pemikiran inovatif dan penggunaan sumber penting dengan lebih optima. Peningkatan pendapatan wanita juga telah terbukti mempunyai impak positif terhadap kesihatan dan pendidikan rumahtangga, meningkatkan kebajikan dan mengukuhkan keuntungan produktiviti dan pertumbuhan inklusif di masa akan datang.

Dialog Dasar Peringkat Menteri Mengenai Wanita dan Ekonomi telah didahului oleh mesyuarat pertama Perkongsian Dasar APEC Mengenai Wanita dan Ekonomi (*APEC Policy Partnership on Women and Economy – PPWE*) yang merupakan entiti baru gabungan Rangkaian Pemimpin Wanita (*Women Leaders Network – WLN*) dan Rangkaian Gender Focal Point (*Gender Focal Point Network – GFPPN*). PPWE bertanggungjawab untuk menentukan halatuju bagi mengintegrasikan isu-isu wanita dalam ekonomi dan meningkatkan pengaruh sumbangan wanita terhadap pertumbuhan ekonomi di rantau Asia Pacific.

Sidang Kemuncak Wanita dan Ekonomi APEC 2011 juga telah memuatkan beberapa sesi perbincangan dasar dalam isu-isu yang berkaitan dimana di dalam salah satu sesi perbincangan berkenaan, Puan Haslina Taib, Ketua Pegawai Eksekutif BAG Networks Sdn Bhd selaku wakil Negara Brunei Darussalam dalam *APEC Business Advisory Council (ABAC)* telah memberi ucapan mengenai kepentingan peningkatan kemahiran dan kapasiti bagi kaum wanita. Antara isu lain yang turut dibincangkan ialah kepentingan meningkatkan penglibatan wanita sebagai strategi pertumbuhan ekonomi; menggalakkan pendidikan dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik bagi wanita dan gadis; impak wanita berpendidikan terhadap dasar dan ekonomi; mengembangluaskan peluang-peluang pasaran untuk peniaga-peniaga wanita; memperkasa wanita untuk mendapat akses kepada kewangan; dan juga keberanian, kreativiti dan kerjasama yang dicetuskan oleh inovasi dalam kepimpinan.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**